

BACA IKLAN DI BAWAH SEBELUM
MENGISI BORANG PERMOHONAN



**IKLAN JAWATAN KOSONG
PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM (PENTAFSIR AL-QURAN)
JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR
TAHUN 2023**

Jabatan Agama Islam Negeri Johor mempelawa Rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim yang berminat dan berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:

| | |
|----------------------------|----------------------------|
| KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : | SOSIAL |
| KUMPULAN PERKHIDMATAN : | PENGURUSAN DAN PROFESIONAL |
| TARAF JAWATAN : | KONTRAK |
| GRED JAWATAN : | S41 |
| JADUAL GAJI : | RM2,078.00 - RM9,544.00 |

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan: dan
 - (i) memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred S41: RM2,078.00); atau
 - ii) Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang Pengajian Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred S41: RM2,281.86)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS :

Mengetuai satu unit kecil/pasukan kerja sama ada dalam pengurusan dakwah/ latihan/ penyelidikan/ penguatkuasaan undang-undang/ pengurusan dan pengimaran masjid/ pengurusan Baitulmal/ pengurusan halal.



**IKLAN JAWATAN KOSONG
PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM (PENTAFSIR AL-QURAN)
JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR
TAHUN 2023**

SKOP DAN BIDANG TUGAS :

1. Bertanggungjawab Mengadakan Kelas Pengajian Tafsir Al-Quran.
2. Bertanggungjawab Menyediakan Risalah Tafsir Al-Quran mingguan.
3. Menyediakan Khutbah Jumaat yang dibaca oleh Imam-Imam di Negeri Johor melalui Bengkel Penyediaan Khutbah.
4. Memantau Program Unit Perkuburan di peringkat Daerah Negeri Johor.
5. Menyemak laporan Unit Tanah Perkuburan di peringkat Daerah Negeri Johor.
6. Lain-lain tugas yang diarah dari masa ke semasa.

CARA-CARA MEMOHON

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan yang boleh diperolehi daripada pejabat ini dengan cara memuat turun borang di laman sesawang <http://jawatan.johor.gov.my>
2. Borang-borang yang sempurna diisi hendaklah **DISERTAKAN SALINAN DIAKUI SAH** dokumen-dokumen yang berkaitan seperti berikut:
 - i) Resume terkini (Sebagaimana template yang disediakan)
 - ii) Salinan Sijil Kelahiran
 - iii) Salinan Kad Pengenalan
 - iv) Salinan SRP/PMR/PT3
 - v) Salinan SVM/SPM/SKM Tahap 3/SKM Tahap 2
 - vi) Salinan Sijil Doktor Falsafah/Ijazah Sarjana Muda
 - vii) Salinan Sijil Akademik dan kelayakan yang berkaitan
 - viii) Salinan semakan pengiktirafan kelayakan pendidikan dari JPA melalui pautan <https://www.2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> (Sijil/Diploma/Ijazah)

3. Pemohon dikehendaki melengkapkan semua maklumat kelayakan akademik semasa mengisi Borang Permohonan. [Sekiranya permohonan tidak disertakan syarat sepertimana di atas, pihak kami akan menolak permohonan tersebut].
4. Pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/ Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dan disertakan dengan Borang Laporan Penilaian Prestasi Tahunan tiga (3) tahun berturut-turut dan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini.
5. Hanya pemohon yang berkelayakan dan melepasi tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
6. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**.
7. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.
8. Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat:

**JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR,
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN,
ARAS 4, BLOK A, PUSAT ISLAM ISKANDAR JOHOR,
JALAN MASJID ABU BAKAR,
KARUNG BERKUNCI 725, 80990 JOHOR BAHRU, JOHOR**

Tarikh Tutup Permohonan: 6 Julai 2023